



## KENYATAAN MEDIA

### KAJI SELIDIK DAN MAKLUM BALAS MENGENAI BELANJAWAN MPS 2021

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) kini dalam proses menyediakan satu kaji selidik Belanjawan MPS 2021 untuk mendapatkan maklum balas daripada seluruh masyarakat di pentadbiran Selayang. Maklum balas dan pandangan daripada orang ramai amatlah diperlukan bagi memastikan Belanjawan yang bakal dirangka dapat memenuhi keperluan stakeholder MPS dan disediakan secara komprehensif.

Sehubungan dengan itu, MPS mempelawa orang ramai untuk mengemukakan cadangan dan maklum balas melalui borang di atas talian (online) mulai 4 Mei hingga 18 Mei 2020. Orang ramai juga boleh melayari laman sosial media MPS, laman web MPS di [www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my) atau hubungi Jabatan Korporat di talian 03-6126 5824 untuk sebarang pertanyaan lanjut.

MPS berharap orang ramai dapat mengambil peluang ini untuk memberikan idea dan cadangan bagi memastikan Belanjawan MPS 2021 dapat disediakan mengikut keperluan warga MPS.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh :

**EN. MOHAMAD ZIN BIN MASOAD A.M.S.**

**Pengarah  
Jabatan Korporat  
b/p Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang**

**03-6126 5800/019-280 7788**

**Tarikh dikeluarkan : 4 Mei 2020**